

15/12/1999

Exco Pulau Pinang diumumkan hari ini

Maznah Darus

GEORGETOWN, Selasa - Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon akan membuat pengumuman berhubung senarai ahli Exco kerajaan negeri di pejabatnya di Tingkat 28, Komtar, jam 10 pagi esok.

Perkara itu disahkan oleh satu kenyataan yang dikeluarkan pejabat Koh, pada jam 5 petang ini.

Usaha wartawan untuk menghubungi Koh lebih awal sepanjang hari ini menemui jalan buntu berikutan keengganan beliau melayan sebarang panggilan.

Adalah diharapkan pengumuman berkenaan akan menamatkan semua spekulasi yang terbit berikutan krisis rebutan kuasa yang timbul dengan tuntutan MCA untuk mendapatkan tanggungjawab dan perwakilan yang lebih besar dalam pentadbiran negeri ini.

Yang pasti pengumuman itu juga adalah antara yang lewat berbanding beberapa negeri termasuk Johor, Selangor dan Kedah.

Tanda-tanda kelewatan pembentukan kerajaan negeri ini bermula dengan pengumuman pelantikan semula Koh sebagai Ketua Menteri yang terpaksa ditunda kerana ia bertembung dengan perkembangan mengejut dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Gerakan yang bertindak keluar parti, dua minggu lalu.

Berikutan tuntutan daripada MCA itu pula, Koh terpaksa menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mencari jalan terbaik menyelesaikan krisis itu.

Ini kerana Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, secara terbuka mengakui bahawa wujud ketegangan antara kedua-dua parti di peringkat negeri ini dengan ahli MCA di peringkat akar umbi berasa kurang puas hati terhadap layanan yang diberikan oleh pucuk pimpinan negeri.

Bagaimanapun dalam mesyuarat ringkas dengan Dr Mahathir selepas upacara mengangkat sumpah ahli Kabinet, di Kuala Lumpur hari ini, Dr Ling menjelaskan beliau menyerahkan keputusan muktamad kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional (BN).

Antara jawatan yang menjadi isu sejak tindakan keluar parti dua Adun Gerakan itu ialah sama ada MCA akan mendapat kerusi Exco tambahan.

Isu itu menjadi bertambah tegang akibat tuntutan MCA terhadap kerusi Timbalan Ketua Menteri Kedua dengan alasan parti itu mencapai kejayaan cemerlang serta mempunyai lebih kerusi dalam pilihan raya umum yang lalu.

(END)